


TAKAFULINK DANA URUS

HELAIAN FAKTA DANA UTAMA



TAKAFUL & KAMI

Takaful secara literal bermaksud tanggungjawab, keterjaminan, jaminan kolektif dan usahasama. Secara umum, takaful adalah berasaskan pertolongan bersama (Ta'awun) berdasarkan prinsip-prinsip kesepakatan dan solidariti, merangkumi unsur-unsur perlindungan dan kepentingan bersama. Takaful ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, iaitu perkiraan berasaskan pertolongan secara kolektif yang di bawahnya peserta takaful bersetuju menyumbang kepada satu dana yang sama bagi menyediakan manfaat kewangan bersama untuk dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Bergantung pada model takaful yang diluluskan, sumbangan peserta akan disalurkan ke dana berasingan untuk pelaburan. Dana-dana* kami hanya dilaburkan di dalam pelaburan patuh Syariah, dalam dan luar negara. Setiap pelaburan dibuat selepas mengambil kira risiko dan pulangan yang terlibat.

Di Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN), kami mendukung nilai-nilai ini melalui amalan profesional bagi menyediakan segala keperluan peserta. Nilai-nilai ini amat jelas dalam setiap transaksi sekaligus menjadikan kami sebagai pilihan berhemat.

Melalui rangkaian agensi dan rakan niaga, kami menyediakan pelbagai produk inovatif yang melindungi setiap aspek kehidupan anda. Daripada perlindungan ke simpanan dan keperluan kerohanian, setiap produk kami direka untuk memberikan ketenangan minda anda.

** Dana-dana Takafulink adalah instrumen pelaburan patuh Syariah.*

TAKAFULINK DANA URUS

Ciri-ciri Dana	
Objektif Pelaburan	Takafulink Dana Urus (Dana) bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka masa sederhana ke panjang dengan melabur dalam ekuiti patuh Syariah, sukuk dan instrumen pasaran wang Islam melalui dana-dana Takafulink dan skim-skim pelaburan kolektif Islam (CIS).
Strategi & Pendekatan Pelaburan	Dana bertujuan untuk mencapai objektifnya dengan melabur dalam portfolio seimbang yang merangkumi ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah, serta sukuk dan instrumen pasaran wang Islam melalui dana-dana Takafulink dan skim-skim pelaburan kolektif Islam (CIS).
Peruntukan Aset	• 70% hingga 90% Nilai Aset Bersih (NAV) Dana dalam Ekuiti patuh Syariah; • 10% hingga 30% Nilai Aset Bersih (NAV) Dana dalam Sukuk; and • Baki NAV Dana yang tidak dilaburkan dalam Ekuiti patuh Syariah dan Sukuk akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam.
Tanda Aras Prestasi	80% Indeks Syariah EMAS FTSE Bursa Malaysia (FBMS) + 20% Kadar Deposit Tetap-i Islam MBB 12-bulan <i>Maklumat lanjut mengenai FBMS boleh didapati daripada laman web Bursa Malaysia, https://www.bursamalaysia.com/.</i> <i>Maklumat lanjut mengenai Kadar Deposit Tetap-i Islam MBB 12-bulan boleh didapati daripada laman web Maybank2u, https://www.maybank2u.com.my/.</i>
Pengurus Dana	Prudential BSN Takaful Berhad (200601020898 (740651-H)) <i>Nota: Pengurus Dana telah disemak daripada Eastspring Al-Wara' Investments Berhad (200901017585 (860682-K)) berkuatkuasa mulai 10 Mei 2025.</i>

Yuran & Caj	
Caj Wakalah Pengurusan Aset	1.30% setahun
Caj-caj Lain	Termasuk: • Yuran audit • Caj lain yang dibenarkan

TAKAFULINK DANA URUS

Penyataan Tambahan untuk Takafulink Dana Urus

Takafulink Dana Urus disalurkan ke dalam Dana Sasaran berikut:

- i. Takafulink Dana Ekuiti, yang diuruskan oleh Eastspring Al-Wara’ Investments Berhad.
- ii. Takafulink Dana Sukuk, yang diuruskan oleh Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd.
- iii. United-i Malaysia Equity Fund, yang diuruskan oleh UOB Asset Management (Malaysia) Berhad (baru ditambah, berkuatkuasa mulai 10 Mei 2025).
- iv. United-i Malaysia Discovery Fund, yang diuruskan oleh UOB Asset Management (Malaysia) Berhad (baru ditambah, berkuatkuasa mulai 10 Mei 2025).

Sila ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj tahunan *Wakalah* pengurusan aset sebanyak 1.30% pada peringkat Dana dan tiada caj tahunan *Wakalah* pengurusan aset pada peringkat Dana Sasaran.

Prestasi Dana

Sejarah Prestasi Dana untuk Takafulink Dana Urus adalah seperti berikut:

Tahun	Prestasi Sebenar	Tanda Aras^^
2025	1.26%	(2.59%)
2024	12.46%	12.22%
2023	1.18%	0.99%
2022	(5.39%)	(8.19%)
2021	(1.28%)	(5.07%)
2020	11.86%	8.85%
2019	5.07%	3.78%
2018	(7.08%)	(10.26%)
2017	9.66%	9.19%
2016	(2.08%)	(4.28%)

^^ 80% FBMS + 20% Kadar Deposit Tetap-i Islam MBB 12-bulan

TAKAFULINK DANA URUS

Prestasi Dana

Sejarah Prestasi Dana untuk Dana Sasaran adalah seperti berikut:

Tahun	Takafulink Dana Ekuiti	Takafulink Dana Sukuk	United-i Malaysia Equity Fund^	United-i Malaysia Discovery Fund^
2025	0.46%	4.76%	7.86%	1.54%
2024	14.80%	3.98%		
2023	(0.13%)	6.22%		
2022	(6.96%)	0.95%		
2021	(1.38%)	(0.87%)		
2020	13.60%	5.59%		
2019	4.57%	7.18%		
2018	(9.42%)	4.44%		
2017	10.77%	4.46%		
2016	(3.88%)	4.87%		

^ Prestasi dana adalah dari 10 Mei 2025 sehingga akhir tahun bagi tahun yang sama (pulangan bukan tahunan).

Asas pengiraan prestasi sebelumnya:

$$= \frac{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n}{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n-1} \times 100\%$$

* NAV di sini merujuk pada Nilai Aset Bersih Dana.

Nota Penting: Prestasi lampau Dana bukan satu petunjuk untuk prestasi masa hadapan. Ini adalah prestasi untuk dana pelaburan semata-mata, bukan pulangan yang diperolehi daripada sumbangan sebenar yang dibayar untuk produk takaful berkaitan pelaburan.

Harga Hadapan

Unit diwujudkan dan dibatalkan pada tarikh penentuan harga berikutnya selepas penerimaan sumbangan atau pemberitahuan tuntutan.

Faktor Risiko & Strategi Pengurusan Risiko

Sila rujuk Lampiran 1 untuk Faktor Risiko dan Strategi Pengurusan Risiko yang terperinci.

TAKAFULINK DANA URUS

Maklumat Lain	
Pasaran Sasaran	Peserta yang mempunyai toleransi risiko yang sederhana hingga tinggi dan jangka masa pelaburan yang sederhana hingga panjang.
Asas & Kekerapan Penilaian Unit	• Penentuan harga unit dilakukan setiap hari. • Harga unit dikira berdasarkan pada nilai pasaran aset-aset sandaran Dana, perbelanjaan bersih dan dibahagikan mengikut bilangan unit yang dikeluarkan. • Nilai Dana ialah nilai semua aset dana Takafulink tertentu selepas ditolak perbelanjaan untuk mengurus, memperoleh, menyelenggara dan menilai aset dana tersebut, cukai (jika ada) atau levi berkanun lain yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal ke atas aset Dana dan sebarang pendapatan terakru atau jangkaan. • Dana tidak membayar sebarang dividen. Semua pendapatan dan keuntungan modal secara automatik dilabur semula dalam harga unitnya. • Harga unit ialah harga tunggal di mana unit diwujudkan dan dibatalkan. • Tarikh penilaian ialah tarikh seperti yang ditentukan oleh PruBSN dari semasa ke semasa, tetapi tidak kurang kerap daripada sekali sehari, untuk tujuan menentukan harga unit. • Harga unit Dana akan dinilai pada akhir setiap hari perniagaan (Tarikh Penilaian), Bagaimanapun, oleh kerana nilai pelaburan Dana semasa akhir Tarikh Penilaian berkaitan hanya akan diketahui pada hari perniagaan seterusnya, penentuan harga unit Dana untuk Tarikh Penilaian berkenaan hanya akan diterbitkan dan dimaklumkan selepas 2 hari perniagaan seterusnya (T+2).
Keadaan Pengecualian	• PruBSN boleh menggantung harga unit dan menangguhkan pengeluaran atau penebusan unit, mahupun beralih kepada mana-mana dana, di bawah Dana ini untuk tempoh yang munasabah, misalnya intervensi yang mengakibatkan penutupan sementara mana-mana bursa saham atau penggantungan saham tertentu di mana Dana dilaburkan. Dalam keadaan sedemikian, notis untuk penggantungan mungkin dikeluarkan dan mungkin dimaklumkan kepada Peserta bagi permintaan untuk penambahan, pertukaran, penebusan atau pengeluaran kepada/dari mana-mana dana Takafulink tersebut. • PruBSN boleh menggantung penentuan harga unit dan urus niaga sijil jika Pengurus Dana Sasaran menggantung langganan kepada Dana Sasaran tersebut. <i>Senarai keadaan pengecualian di atas adalah tidak lengkap, sila rujuk dokumen sijil anda untuk butiran lanjut.</i>

TAKAFULINK DANA URUS

Maklumat Mengenai Dana Sasaran

Takafulink Dana Ekuiti

Strategi Pelaburan

Dana Sasaran bertujuan untuk mencapai objektifnya dengan melabur dalam portfolio sekuriti patuh Syariah (ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah) dengan potensi pertumbuhan yang baik.

Bagi mengenal pasti syarikat-syarikat sedemikian, Pengurus Dana Sasaran akan menggunakan pendekatan pelaburan yang berasaskan penyelidikan dan penilaian yang sistematik di mana kualiti pengurusan, kekuatan model perniagaan, dinamik industri, pemacu keuntungan dan kemampunan pendapatan dinilai untuk mengenal pasti saham patuh Syariah yang di bawah nilai oleh pasaran dan mengeksploitasi peluang tersebut.

Dana Sasaran ini diuruskan secara aktif. Walau bagaimanapun, kekerapan aktiviti perdagangannya bergantung kepada peluang pasaran dan penilaian Pengurus Dana Sasaran.

Maklumat lanjut mengenai Takafulink Dana Ekuiti boleh didapati daripada <https://www.prubsn.com.my>.

Takafulink Dana Sukuk

Strategi Pelaburan

Dana Sasaran bertujuan untuk mencapai objektifnya dengan melabur dalam portfolio sukuk dan pasaran wang Islam.

Pengurus Dana Sasaran percaya bahawa cara pelaburan yang dipandu oleh penilaian dan disiplin boleh menjanakan pulangan yang unggul dalam jangka masa panjang. Tujuan mereka adalah untuk menggunakan peluang kedua-dua peruntukan aset dan tahap pemilihan sekuriti melalui penyelidikan dalaman dan pengurusan portfolio yang aktif, dengan memfokuskan pada pulangan maksimum pada paras risiko yang boleh diterima.

Pengurus Dana Sasaran mensasarkan tahap konsistensi yang tinggi dalam jangka masa panjang untuk semua dana, di samping berpegang teguh kepada garis panduan yang tegas dan profesional.

Maklumat lanjut mengenai Takafulink Dana Sukuk boleh didapati daripada <https://www.prubsn.com.my>.

TAKAFULINK DANA URUS

Maklumat Mengenai Dana Sasaran

United-i Malaysia Equity Fund

Strategi Pelaburan

Dana Sasaran bertujuan untuk mencapai objektif pelaburannya dengan melabur:

- minimum sebanyak 50% daripada NAV dalam saham patuh Syariah, sekuriti patuh Syariah yang setara dengan saham (seperti terbitan hak dan waran patuh Syariah) dan skim pelaburan kolektif Islam (termasuk REIT Islam) dalam pasaran Malaysia;
- sehingga 30% daripada NAV dalam saham patuh Syariah, sekuriti patuh Syariah yang setara dengan saham dan skim pelaburan kolektif Islam (termasuk REIT Islam) dalam pasaran global; dan
- sehingga 30% daripada NAV dalam instrumen pasaran wang Islam dan Deposit Islam.

Pengurus Dana Sasaran dan/atau Pengurus Pelaburan mereka menggunakan analisis dasar dan bawah ke atas sebagai bahagian penting dalam proses pelaburan ekuiti. Pendekatan ini menekankan analisis syarikat-syarikat individu termasuk penilaian operasi dan prospek pendapatan syarikat, kedudukan kompetitif, kualiti pengurusan, piawaian tadbir urus korporat, penilaian, ukuran keuntungan dan faktor risiko.

Apabila dianggap perlu, Pengurus Dana Sasaran dan/atau Pengurus Pelaburan mereka boleh menggunakan derivatif Islam seperti opsyen, kontrak niaga hadapan, kontrak hadapan dan swap untuk tujuan melindungi nilai terhadap risiko sistemik dan tidak sistematik. Sekiranya penarafan diturunkan bagi rakan niaga derivatif Islam “OTC”, Pengurus Dana Sasaran dan/atau Pengurus Pelaburan mereka berhak untuk berurusan dengan derivatif Islam “OTC” demi kepentingan terbaik Pemegang Unit. Dalam keadaan ini, Pengurus Dana Sasaran hendaklah, atas dasar usaha terbaik, mencairkan kedudukan derivatif Islam untuk menjaga kepentingan Pemegang Unit. Walau bagaimanapun, Pengurus Dana Sasaran berhak untuk mengekalkan pelaburan sekiranya mereka menganggap penurunan penarafan sebagai peristiwa sementara yang berkemungkinan akan pulih dalam tempoh enam (6) bulan. Pengurus Dana Sasaran dan/atau Pengurus Pelaburan mereka akan memastikan pendedahan global Dana Sasaran daripada kedudukan derivatif kewangan Islam tidak melebihi NAV Dana Sasaran pada setiap masa. Pendedahan sedemikian akan dikira menggunakan pendekatan komitmen.

Pengurus Dana Sasaran dan/atau Pengurus Pelaburan mereka boleh mengambil kedudukan defensif sementara yang mungkin tidak konsisten dengan strategi pelaburan Dana Sasaran dalam usaha untuk bertindak balas terhadap keadaan ekonomi, politik atau pasaran yang tidak menggalakkan. Dalam keadaan sedemikian, Pengurus Dana Sasaran dan/atau Pengurus Pelaburan mereka boleh memperuntukkan sehingga 100% daripada aset Dana Sasaran ke dalam aset cair Islam seperti instrumen pasaran wang Islam dan Deposit Islam, yang bersifat defensif.

Maklumat lanjut mengenai United-i Malaysia Equity Fund boleh didapati daripada <https://www.uobam.com.my/>.

TAKAFULINK DANA URUS

Maklumat Mengenai Dana Sasaran

United-i Malaysia Discovery Fund

Strategi Pelaburan

Dana Sasaran bertujuan untuk mencapai objektif pelaburannya dengan melabur minimum sebanyak 70% daripada NAV dalam saham patuh Syariah dan sekuriti patuh Syariah yang setara dengan saham (seperti terbitan hak dan waran patuh Syariah) dan baki dalam instrumen pasaran wang Islam dan Deposit Islam. Dana Sasaran akan melabur dalam saham patuh Syariah atau sekuriti patuh Syariah dalam syarikat permodalan kecil di Malaysia. Syarikat permodalan kecil bermaksud syarikat-syarikat dengan permodalan pasaran sehingga RM5 bilion semasa pembelian. Dana Sasaran boleh mengekalkan pelaburannya dalam sekuriti patuh Syariah yang telah meningkat melebihi nilai ambang RM5 bilion.

Pengurus Dana Sasaran dan/atau Pengurus Pelaburan mereka menggunakan analisis dasar dan bawah ke atas sebagai bahagian penting dalam proses pelaburan ekuiti. Pendekatan ini menekankan analisis syarikat-syarikat individu termasuk penilaian operasi dan prospek pendapatan syarikat, kedudukan kompetitif, kualiti pengurusan, piawaian tadbir urus korporat, penilaian, ukuran keuntungan dan faktor risiko.

Apabila dianggap perlu, Pengurus Dana Sasaran dan/atau Pengurus Pelaburan mereka boleh menggunakan derivatif Islam seperti opsyen, kontrak niaga hadapan, kontrak hadapan dan swap untuk tujuan melindungi nilai terhadap risiko sistemik dan tidak sistematik. Sekiranya penarafan diturunkan bagi rakan niaga derivatif Islam "OTC", Pengurus Dana Sasaran dan/atau Pengurus Pelaburan mereka berhak untuk berurusan dengan derivatif Islam "OTC" demi kepentingan terbaik Pemegang Unit. Dalam keadaan ini, Pengurus Dana Sasaran hendaklah, atas dasar usaha terbaik, mencairkan kedudukan derivatif Islam untuk menjaga kepentingan Pemegang Unit. Walau bagaimanapun, Pengurus Dana Sasaran berhak untuk mengekalkan pelaburan sekiranya mereka menganggap penurunan penarafan sebagai peristiwa sementara yang berkemungkinan akan pulih dalam tempoh enam (6) bulan. Pengurus Dana Sasaran dan/atau Pengurus Pelaburan mereka akan memastikan pendedahan global Dana Sasaran daripada kedudukan derivatif kewangan Islam tidak melebihi NAV Dana Sasaran pada setiap masa. Pendedahan sedemikian akan dikira menggunakan pendekatan komitmen.

Pengurus Dana Sasaran dan/atau Pengurus Pelaburan mereka boleh mengambil kedudukan defensif sementara yang mungkin tidak konsisten dengan strategi pelaburan Dana Sasaran dalam usaha untuk bertindak balas terhadap keadaan ekonomi, politik atau pasaran yang tidak menggalakkan. Dalam keadaan sedemikian, Pengurus Dana Sasaran dan/atau Pengurus Pelaburan mereka boleh memperuntukkan sehingga 100% daripada aset Dana Sasaran ke dalam aset cair Islam seperti instrumen pasaran wang Islam dan Deposit Islam, yang bersifat defensif.

Maklumat lanjut mengenai United-i Malaysia Discovery Fund boleh didapati daripada <https://www.uobam.com.my/>.

Penafian:

Helaian fakta dana utama ini disediakan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN") untuk maklumat am dan tujuan ilustrasi sahaja dan tidak sepatutnya dijadikan asas untuk membuat keputusan pelaburan, kewangan atau keputusan-keputusan lain. Walaupun bahan-bahan yang digunakan dalam penyediaan profil dana ini diperolehi daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, PruBSN tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaan maklumat. Sebarang analisis dan pendapat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Prestasi masa lalu tidak menjamin keputusan masa hadapan. Para pembaca dinasihatkan untuk menghubungi PruBSN atau ejen-ejenjnya untuk butiran lanjut dan penjelasan maklumat yang berkaitan dengan produk yang ditawarkan oleh kami. PruBSN dan mana-mana syarikatnya yang berkaitan menafikan sebarang liabiliti walau apa pun sifatnya, sekiranya para pembaca mengalami kerugian apabila mereka hanya bergantung kepada kandungan maklumat di dalam profil dana ini.

TAKAFUL

Untuk Semua. Untuk Kehidupan

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Talian Khidmat Pelanggan: +603 2775 7188
E-mel: customer@prubsn.com.my

www.prubsn.com.my